



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 199/77

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH) 1977

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

7 Julai 1977

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Julai 1978

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah.](#)

Perintah 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Perintah 2. [Premis yang ditetapkan.](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1978.

Perintah 2. Premis yang ditetapkan.

Premis yang berikut adalah ditetapkan menjadi premis yang pendudukan atau penggunaannya oleh seseorang adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta itu melainkan jika orang itu adalah pemegang bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis itu:

Semua premis yang diduduki atau digunakan bagi memproses buah kelapa sawit atau tandan-tandan buah kelapa sawit hidup menjadi minyak kelapa sawit mentah, samada sebagai keluaran perantaraan atau keluaran siap.

Diperbuat pada 28 haribulan Jun 1977.

[KST & AS. Sulit 4315; (24) dlm. AS. 1005; PN. (PU²) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
*Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar*

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD